

PEMULIHAN AKIDAH BAGI KES-KES PERMOHONAN KELUAR AGAMA ISLAM DI MAHKAMAH SYARIAH

Zanariah binti Dimon

Faculty of Syariah and Law, International Islamic University College of Selangor (KUIS), 44300, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Tel: (60) 012-9135268. Email: zanariah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Mahkamah Syariah di Malaysia mempunyai bidang kuasa eksklusif dalam memutuskan perkara-perkara berkaitan persoalan akidah dan status agama. Bidang kuasa ini bertujuan mengekang gejala ajaran sesat dan murtad dalam kalangan orang Islam. Walau bagaimanapun, amalan istitabah bagi kes-kes permohonan keluar agama Islam masih kurang jelas di peringkat negeri. Kajian ini bertujuan menganalisis prosedur selepas penerimaan permohonan keluar agama Islam di Mahkamah Syariah dan proses istitabah yang diperintahkan kepada pemohon sebelum Mahkamah Syariah membuat keputusan. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis dokumen dengan membuat tinjauan khusus terhadap peruntukan undang-undang dan kes-kes permohonan keluar agama Islam serta modul pemulihan di pusat pemulihan akidah. Hasil kajian mendapati amalan istitabah dibuat dalam bentuk kaunseling akidah atau tahanan di pusat pemulihan akidah bergantung kepada perintah hakim Mahkamah Syariah selepas penerimaan kes-kes permohonan status agama. Tiada peruntukan undang-undang yang jelas dan seragam mengenai perintah taubat (istitabah) di peringkat negeri. Implikasi dan beberapa cadangan untuk perambahbaikan amalan istitabah ini juga diberikan.

Kata kunci: Taubat, Istitabah, Murtad, Agama, Islam

(FAITH RECOVERY FOR THE CASES OF RENUNCIATION APPLICATION IN ISLAMIC RELIGIOUS COURT)

ABSTRACT

The Syariah Court in Malaysia possesses executive jurisdiction in deciding upon matters related to creed and religious status. The jurisdiction aims to restrain the signs of heresy and renunciation of the religion of Islam among Muslims. Nevertheless, the creed restoration practice (istitābah) for the state-level renunciation of the religion of Islam application cases is still unclear. This study aims to analyze the procedure after the application to renounce the religion of Islam is received at Syariah Court and the process of creed restoration that is instructed upon an applicant prior to the Syariah Court decision. This study used a document analysis approach by conducting specialized observation on the law provisions and renunciation of the religion of Islam cases as well as the restoration modules in the center of creed restoration. The outcomes of the study found that the creed restoration practice was conducted in the form of creed counseling or detention at the center of creed restoration depending on the instruction from the Syariah Court Judge after the

acceptance of religious status application cases. There were no clear and standardized law provisions regarding repentance order (istitābah) at the state level. The study also provides the implications and several recommendations for the improvement of the creed restoration practice.

Keywords: Restoration, Creed, Renunciation, Religion, Islam

Received: May 2, 2016

Accepted: November 20, 2016

Online Published: June 20, 2017

1. Pendahuluan

Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa mendengar permohonan status agama seseorang berdasarkan peruntukan dalam enakmen pentadbiran agama Islam peringkat negeri. Ia diperuntukkan melalui bidang kuasa mal Mahkamah Tinggi Syariah dalam dua bidang kuasa iaitu mengisytihar status agama orang yang masih hidup dan mengisytiharkan status agama seseorang pada masa kematiannya. Dalam kes-kes yang melibatkan permohonan keluar agama Islam pula, proses pemulihan dan bertaubat sebelum membuat keputusan akan dilaksanakan ke atas pemohon sama ada dalam bentuk nasihat, kaunseling, rundingcara akidah secara sukarela atau perintah tahanan bagi tujuan taubat di pusat pemulihan akidah. Persoalannya adalah bagaimana bentuk amalan *istitabah* ini dilaksanakan ke atas pemohon? Adakah ia menjadi prosedur yang *standard* kepada semua kes-kes permohonan keluar agama Islam? Bagaimanakah bentuk pemulihan yang dilaksanakan bagi mencapai tujuan taubat? Justeru, artikel ini akan membincangkan mengenai amalan *istitabah* menerusi kes-kes yang diputuskan di Mahkamah Syariah dan proses taubat di pusat pemulihan akidah.

2. Keluar Agama Islam Menurut Undang-Undang

Sehingga kini masih belum ada peruntukan undang-undang yang seragam dan selaras bagaimana menangani isu keluar agama Islam atau murtad di Malaysia (Norashikin M. Nasir dan Siti Zubaidah Ismail, 2016: 141-154). Berdasarkan undang-undang Islam negeri-negeri di Malaysia, sekurang-kurangnya terdapat tiga bentuk peruntukan yang berkaitan dengan keluar agama Islam. Pertama, memohon keluar Islam adalah menjadi kesalahan dan boleh didakwa di mahkamah syariah bagi pelbagai kesalahan seperti percubaan murtad, menghina agama, murtad bagi mengelakkan tindakan pihak berkuasa agama atau melakukan perbuatan atau perkataan murtad yang boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau disebat sehingga enam sebatan atau campuran mana-mana dari ketiga-tiga bentuk hukuman ini. Kedua, permohonan keluar Islam boleh difailkan dalam bidang kuasa mal di Mahkamah Tinggi Syariah di bawah bidang kuasa pengesahan status agama orang yang masih hidup. Ketiga, peruntukan berkenaan proses perintah taubat (*istitabah*) melalui proses runding cara akidah bagi tujuan taubat di pusat pemulihan akidah (Pg. Ismail Pg. Musa dan Siti Zubaidah Ismail, 2015: 54-78).

Kepelbagaian peruntukan di negeri-negeri memperlihatkan pendekatan yang berbeza diambil dalam mengendalikan isu keluar agama Islam. Sebagai contoh di negeri Selangor, permohonan untuk keluar agama menghadapi kesukaran kerana tiada sebarang peruntukan undang-undang berkaitan kesalahan keluar agama. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 hanya memperuntukkan salah satu

daripada bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah ialah menentukan status agama seseorang. Menurut Nor Ashikin M. Nasir (2016), walaupun Mahkamah Tinggi Syariah Selangor diberi bidangkuasa untuk mengisytiharkan status agama seseorang Islam, namun tiada sebarang tatacara dan garis panduan tentang kaedah bagaimana pengisytiharan itu boleh dilakukan tidak dijelaskan di dalam mana-mana peruntukan, menyebabkan sesetengah kes permohonan keluar agama diselesaikan berdasarkan “budibicara” dan kuasa am hakim. Oleh sebab itu, banyak kes permohonan keluar Islam yang masih tidak dapat diselesaikan disebabkan peruntukan yang tidak jelas berkaitan kaedah pengisytiharan status agama tersebut.

Kesalahan murtad juga tidak diperuntukkan secara spesifik di dalam enakmen kesalahan jenayah syariah. Kebanyakan negeri memperuntukkan kesalahan percubaan untuk keluar agama Islam (Zaini Nasohah et al., 2010). Kuasa yang diberi kepada Mahkamah Syariah sebenarnya bukanlah untuk menentukan kesalahan murtad dan menjatuhkan hukuman murtad. Ini kerana tidak terdapat peruntukan khusus mengenai kesalahan murtad yang dikuatkuasakan di Malaysia. Undang-undang sedia ada yang telah dilaksanakan bukanlah melibatkan kesalahan murtad tetapi berkenaan kesalahan keluar agama Islam dalam bentuk penghinaan agama Islam (Mahmood Zuhdi Ab. Majid, 2001). Penggunaan istilah permohonan murtad juga tidak digunakan di dalam mana-mana enakmen negeri. Kebanyakannya menggunakan istilah permohonan pengisytiharan status agama. (Zulkefli Hasan dan Norfadhilah Mohd Ali, 2007).

Oleh itu, Mahkamah Syariah tidak pernah mengisytiharkan seseorang itu murtad tetapi membuat pengisytiharan status agama seseorang itu. Penentuan status agama amat perlu sekiranya berlaku situasi-situasi seperti jika seseorang didapati bukan Islam dan tidak pernah mengamalkan ajaran Islam tetapi terdapat bukti dokumen menunjukkan Islam (kad pengenalan berstatus agama Islam), pemelukan Islam yang tidak diiktiraf atau tidak didaftarkan, kekeliruan mengenai status agamanya pada masa kematian dan sebagainya yang tidak bertentangan dengan hukum syarak, maka seseorang itu berhak mengemukakan permohonan ke Mahkamah Syariah bagi mendapatkan pengisytiharan bahawa dia sebenarnya bukan Islam atau tidak lagi disifatkan sebagai orang Islam (Pengkakiman Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Seremban dalam kes *Permohonan Murtad Rashidah Moideen*, (2010). Manakala dalam kes *Nyonya Tahir* [2006] JH XXI/II, Mahkamah Tinggi Syariah Seremban telah mengisytiharkan si mati (Nyonya Tahir) bukanlah seorang muslim kerana tidak pernah mengamalkan ajaran Islam berdasarkan peruntukan dalam seksyen 61 (3) (b) (xi) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan 2003. Begitu juga sebelumnya dalam kes *Mohamad b. Abdullah* [2005] JH XXI/II, Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan telah mengisytiharkan si mati sebagai muslim melalui bukti perakuan masuk Islam dengan menggunakan pendekatan secara implikasi atau tersirat (*implied jurisdiction*) kerana Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan tiada bidang kuasa khusus berkaitan perkara tersebut.

Nor Ashikin M. Nasir (2016) menyatakan hanya beberapa negeri sahaja yang menamakan keluar agama Islam sebagai kesalahan biarpun dengan nama kesalahan yang berbeza-beza. Sebagai contoh, seksyen 66 (1) Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 memperuntukkan bahawa apabila seseorang Islam dengan sengaja mengaku percubaan untuk keluar agama Islam atau mengisytiharkan dirinya sebagai orang yang bukan Islam, maka mahkamah boleh memerintahkan orang itu supaya ditahan di Pusat Bimbingan Islam selama tempoh tidak melebihi enam bulan dengan tujuan pendidikan, dan orang itu diminta bertaubat mengikut hukum syarak.

Sekiranya orang itu bertaubat dengan serta merta, maka mahkamah hendaklah mengesahkan taubatnya dan membebaskannya. Sebaliknya, jika orang itu bertaubat semasa dalam tahanan, mahkamah hendaklah mendapatkan laporan daripada Pegawai Penjaganya dan mengesahkan taubatnya setelah berpuas hati dengan laporan tersebut. Bagi mengendalikan kesalahan tersebut, negeri Sabah, Melaka dan Kelantan memperuntukkan orang yang disabitkan kesalahan percubaan keluar agama Islam diperintahkan supaya ditahan secara mandatori di Pusat Pemulihan Akidah bagi tujuan taubat. Tempoh pelaksanaan berbeza mengikut negeri. Bagi negeri Sabah berdasarkan seksyen 63, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Sabah 1995) dan Kelantan dalam seksyen 102, Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994), seseorang Islam yang keluar Islam atau berhasrat untuk keluar Islam boleh ditahan di Pusat Pemulihan Akidah untuk suatu jangka masa tidak lebih dari 36 bulan atau tiga tahun, manakala di Melaka diperuntukkan penahanan hanya selama enam bulan.

3. Prosedur Permohonan Status Agama di Mahkamah Syariah

Berdasarkan peruntukan undang-undang, jika terdapat mana-mana orang atau individu yang membuat permohonan untuk keluar daripada agama Islam, atau menukar status agama Islamnya, individu tersebut perlu membuat permohonan melalui Mahkamah Syariah (Senarai II, Senarai Negeri, Jadual 9 Perlembagaan Persekutuan). Ini kerana perkara berkaitan pengisytiharan status agama adalah berbidang kuasa di bawah Mahkamah Syariah dan bagi mana-mana individu yang memohon untuk keluar daripada agama Islam perlu mendapatkan pengesahan daripada Mahkamah Syariah terlebih dahulu sebelum dibenarkan menukar status agamanya di Jabatan Pendaftaran Negara. Data menunjukkan dari tahun 1999-2003 terdapat 750 permohonan pertukaran nama bukan Islam di Jabatan Pendaftaran Negara. Tetapi hanya 220 permohonan diluluskan setelah pemohon mengemukakan dokumen rasmi sama ada dari Jabatan Agama Islam Negeri atau Mahkamah Syariah negeri bahawa mereka bukan lagi beragama Islam dan dari jumlah tersebut, majoriti mereka adalah golongan mualaf iaitu mereka yang memeluk agama Islam (Mohd Azam Mohamed Adil, 2006).

Namun begitu, bukanlah mudah untuk Mahkamah Syariah membenarkan seseorang itu keluar daripada agama Islam atau menukar status agamanya daripada Islam kepada agama lain. Masyarakat hari ini secara umumnya mentafsirkan bahawa hak beragama di Malaysia adalah hak individu termasuklah hak untuk menukar agama Islam kepada agama lain sedangkan mereka tidak faham apa sebenarnya yang dimaksudkan oleh peruntukan kebebasan beragama di bawah Perlembagaan Persekutuan. Namun begitu, berdasarkan maklumat daripada Jabatan Mufti Selangor, sehingga kini masih belum terdapat permohonan murtad atau permohonan keluar daripada agama Islam daripada seseorang yang sememangnya Islam dibenarkan oleh Mahkamah Syariah, tetapi terdapat beberapa kes di mana mahkamah membenarkan permohonan untuk keluar daripada Islam iaitu permohonan yang dibuat oleh mualaf yang memohon untuk kembali ke agama asal. Walau bagaimanapun, statistik dan rekod data tidak dapat diberikan oleh Jabatan Mufti Selangor atas sebab keselamatan dan sulit. Kebanyakan kes permohonan untuk menukar status agama adalah permohonan daripada mualaf yang memohon untuk kembali kepada agama asal.

Pada tahun 2003, Negeri Sembilan telah mengambil satu pendekatan inisiatif bagi mereka yang membuat permohonan keluar agama Islam di negeri ini. Enakmen Undang-undang Pentadbiran Islam Negeri Sembilan (Pindaan 2003) memperuntukkan seksyen 119 berhubung “keluar daripada Islam”, bahawa sejurus apabila seseorang

hakim di Mahkamah Tinggi Syariah mendengar permohonan tersebut secara *ex-parte*, pihak hakim hendaklah menangguhkan pendengaran kes berkenaan untuk suatu tempoh selama 90 hari dan pihak pemohon akan diserahkan kepada pihak Mufti untuk tujuan kaunseling. Sekiranya pemohon bertaubat dalam tempoh tersebut, Hakim akan merekodkan perkara tersebut dan pemohon akan dilepaskan. Tetapi sekiranya, selepas tamat tempoh tersebut dan pemohon masih berdegil dan tidak mahu bertaubat, ia akan dirujuk balik kepada Mahkamah. Mahkamah boleh membuat satu perisytiharan bahawa pemohon telah keluar Islam atau menangguhkan keputusan sehingga tempoh satu tahun. Sekiranya pemohon masih berdegil dan tempoh satu tahun tamat, hakim berkenaan boleh mengisytiharkan bahawa pemohon berkenaan bukan lagi beragama Islam atau sebaliknya. Tiada sebarang bentuk hukuman atau penahanan mandatori diperuntukkan dalam Enakmen berkenaan. Peruntukan di Negeri Sembilan ini disifatkan sebagai satu prosedur yang lengkap berkaitan kaedah atau tatacara yang mengatur apa-apa tindakan atau permohonan bagi membolehkan seseorang yang dikatakan beragama Islam atau disifatkan sebagai Islam diisytiharkan sebagai seorang bukan Islam.

Oleh itu, menurut peruntukan seksyen 119 tersebut, Mahkamah hendaklah terlebih dahulu memutuskan pemohon bukan lagi seorang Islam sebelum menentukan sama ada pemohon patut diberi perisytiharan untuk keluar daripada agama Islam. Seksyen 119 hendaklah dipakai secara ketat dan ianya bukanlah satu laluan bagi orang-orang yang ingin murtad, sebaliknya sebagai satu kaedah mengawal dan mengekang seseorang daripada terlalu mudah menurut kehendak dan kemahuan untuk murtad dengan memenuhi semua prosedur dalam seksyen tersebut termasuklah proses runding cara atau bimbingan akidah (Zulkefli Hasan dan Norfadhilah Mohd Ali, 2007).

Bagi memperolehi perisytiharan tersebut juga bukanlah suatu perkara yang mudah. Ini kerana pemohon hendaklah memenuhi keseluruhan kehendak seksyen 119 tersebut. Pemohon mestilah memenuhi kehendak hukum syarak bahawa dia telah secara syarienya adalah seorang yang tidak lagi mengamalkan agama Islam. Atau dengan kata lain, Mahkamah berpuas hati bahawa dia bukanlah seorang Islam pada waktu itu sama ada melalui perbuatan, perkataan atau iktikadnya. Dalam kes *Permohonan Rashidah Moideen*, [kes mal bil 05100-043-0065-2007) Mahkamah Tinggi Syariah Seremban telah menolak permohonan pemohon untuk mengisytiharkan dirinya keluar dari Islam kerana tidak menepati hukum syarak dan menyalahi undang-undang. Fakta yang dikemukakan di mahkamah tidak menunjukkan bahawa pemohon bukan beragama Islam atau wujud kekeliruan mengenai status agamanya tetapi bukti menunjukkan pemohon mempunyai keinginan dan kemahuan untuk murtad. Pemohon sebenarnya dilahirkan sebagai Muslim, ibu bapanya beragama Islam dan mempunyai kefahaman yang baik mengenai agama Islam.

Dalam kes-kes yang melibatkan penentuan status agama mualaf yang baru memeluk Islam (*revert*) menukar semula ke agama asal atau agama lain (*convert*), Mahkamah Syariah memutuskan untuk mengisytihar seseorang itu bukan lagi beragama Islam sekiranya cukup pembuktian sama ada dari segi perkataan, perbuatan atau niat pemohon sendiri. Dalam kes *Permohonan Mohd Shah @ Gilbert Freeman* [MTS Seremban kes mal no 05100-099-0020-2009], mahkamah memutuskan bahawa pemohon diisytiharkan sebagai seorang yang bukan Islam setelah berpuas hati ia tidak pernah mengamalkan ajaran Islam dan tidak pernah mengenali Islam kerana pemohon tidak pernah pada mana-mana masa memeluk atau mempelajari agama Islam. Dalam kes tersebut, pemohon mengemukakan permohonan ke Mahkamah Tinggi Syariah

Seremban bagi mendapatkan satu perisytiharan bahawa pemohon bukan seorang Islam dan tidak pernah memeluk agama Islam. Permohonan ini dibuat atas sebab kekeliruan mengenai status keturunan dan agama pemohon akibat daripada nama pemohon yang tertera sebagai Mohammad Shah @ Gilbert Freeman di dalam kad pengenalan pemohon. Begitu juga dalam kes di Pulau Pinang iaitu kes *Permohonan Fatimah Tan bt Abdullah* [2009] JH 27/II Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang memutuskan bahawa pemohon diisytiharkan sebagai seorang yang bukan Islam setelah berpuas hati bahawa pemohon tidak lagi mengamalkan ajaran Islam sejak memeluk Islam pada 25 Julai 1998.

4. Amalan Perintah Taubat (*Istitabah*) bagi Permohonan Keluar Agama Islam

Mengikut prosedur permohonan keluar agama Islam, Mahkamah Syariah tidaklah terus membenarkan permohonan tersebut, sebaliknya mahkamah akan mengeluarkan perintah supaya pemohon menjalani rundingcara akidah secara sukarela atau menahan pemohon di Pusat Pemulihan Akidah untuk tempoh tertentu bagi tujuan taubat. Ini selaras dengan kehendak hukum syarak dalam pengendalian kes-kes murtad. Orang yang murtad akan diberi peluang untuk bertaubat dalam tempoh yang tertentu sebelum dijatuhkan hukuman bunuh sekiranya mereka enggan bertaubat (Abdul Karim Zaidan, 1994). Secara teknikalnya, *istitabah* adalah satu prosedur rasmi yang digunakan sebelum seseorang itu dijatuhkan hukuman had *riddah*. Menurut Wan Mohd Fazrul Azdi (2013), *istitabah* dapat difahami sebagai anjuran kepada seseorang yang didapati telah melakukan kesilapan dalam perkara syarak untuk bertaubat bagi mengembalikan seseorang itu ke dalam amalan Islam yang asas dan benar serta memohon keampunan atas keterlanjuran yang telah berlaku.

4.1 Perintah Taubat di Mahkamah Syariah

Bagi kes-kes percubaan murtad atau permohonan keluar agama Islam, Mahkamah Syariah akan mengeluarkan perintah supaya mereka ditahan di Pusat Pemulihan Akidah selama enam bulan sehingga 36 bulan bergantung kepada peruntukan undang-undang sebelum mahkamah membuat pengesahan status agama mereka. Walau bagaimanapun, tidak semua negeri memperuntukkan perintah tahanan tersebut. Hanya negeri Sabah, Melaka dan Kelantan yang memperuntukkan secara substantif dalam undang-undang jenayah syariah negeri-negeri tersebut (Pg Ismail Pg Musa dan Siti Zubaidah Ismail, 2015).

Berdasarkan peruntukan tersebut, apabila orang yang murtad itu pada bila-bila masa semasa berada dalam tempoh tahanan telah mengakui akan kesilapannya dan bertaubat, Pegawai Penjaga yang ditugaskan menjaga orang itu hendaklah melaporkan perkara tersebut kepada mahkamah dan mahkamah akan memanggil orang itu untuk mengesahkan taubatnya. Sekiranya taubat orang itu disahkan, maka mahkamah akan membuat satu perintah untuk membebaskan pesalah murtad itu. Pegawai Penjaga hendaklah menyerahkan satu laporan kemajuan berhubung dengan orang yang telah ditahan itu

Merujuk kepada peruntukan-peruntukan yang ada, secara umumnya dilihat undang-undang telah mengaplikasikan sebahagian tuntutan syarak, iaitu tidaklah terus menjatuhkan hukuman kepada mereka yang memohon untuk murtad. Tetapi undang-undang memberikan tempoh untuk mereka bertaubat terlebih dahulu, diperintahkan ditahan di pusat pemulihan akidah untuk suatu tempoh, dan diperintahkan untuk bertaubat beberapa kali. Hikmahnya, apabila mahkamah memberikan tempoh untuk

bertaubat terlebih dahulu adalah untuk membantu mereka ini supaya kembali kepada akidah Islam dan membatalkan hasrat mereka untuk keluar daripada agama Islam, sesuai dengan perintah syarak.

Ini adalah selaras dengan hukum syarak berkaitan perintah taubat sebelum dijatuhkan hukuman bunuh ke atas orang yang murtad. Walau bagaimanapun hukuman bunuh ke atas mereka yang murtad tidaklah dijatuhkan dengan segera tanpa menyuruh mereka bertaubat terlebih dahulu (Abdul Karim Zaidan, 1994). Terdapat beberapa langkah yang patut dilakukan sebelum menjatuhkan hukuman bunuh tersebut, iaitu Pertama: Jika menurut pandangan mazhab As-Syafie, hendaklah bertaubat dengan segera dan sekiranya tidak bertaubat terus dibunuh. Tetapi menurut pandangan mazhab Hanafi, memintanya untuk bertaubat hanyalah sekadar sunat dan hendaklah diberi tempoh untuk bertaubat selama tiga hari. Kedua : Memberikan amaran kepada orang yang murtad tersebut tentang hukuman berat yang akan menimpanya sekiranya dia berterusan dalam kekufurannya. Ketiga : Wajib dibunuh orang yang murtad itu sekiranya masih berdegil dan enggan bertaubat. Hukuman ke atas mereka yang murtad tidak boleh dilaksanakan melainkan telah sempurna syarat-syarat berikut iaitu baligh dan berakal, telah memintanya untuk bertaubat dan sabit perbuatan murtad itu dengan ikrarnya atau kesaksian (Mustafa al-Khin, Mustafa Dib al-Bugha dan Ali al-Syarbaji, 1996). Jika sempurna langkah dan syarat-syarat ini dan mereka enggan bertaubat, maka wajib untuk melaksanakan hukuman bunuh ke atas mereka sepertimana yang disebut di dalam hadis Nabi s.a.w yang bermaksud “Tidak halal darah seseorang Muslim itu kecuali dengan salah satu dari tiga perkara: Orang yang telah berkahwin melakukan zina, nyawa dibalas dengan nyawa (membunuh dengan sengaja) dan meninggalkan agama yang berpisah dengan jamaah Muslimin” (Riwayat Bukhari)

Sementara itu, di Negeri Sembilan, tiada perintah tahanan untuk tujuan taubat diperuntukkan dalam undang-undang. Sebaliknya, berdasarkan seksyen 119 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, mahkamah boleh memerintahkan pemohon menjalani proses kaunseling dan bimbingan akidah bagi tempoh sehingga setahun secara sukarela tanpa melibatkan proses tahanan. Tujuan kaunseling tersebut adalah untuk mengenal pasti sebab-sebab pemohon mahu keluar daripada agama Islam dan memberi bimbingan akidah yang berterusan khususnya kepada mualaf yang bermasalah. Tetapi seandainya setelah melalui sesi kaunseling tersebut, dan pemohon masih berdegil untuk keluar daripada agama Islam, maka mahkamah terpaksa mengisytiharkan bahawa pemohon bukan seorang Islam. Ada juga kes mahkamah menolak permohonan menukar agama setelah menerima laporan kaunseling daripada Pegawai Pembimbing Akidah. Dalam kes *Rashidah Moideen*, mahkamah menolak permohonan keluar agama Islam daripada pemohon setelah berpuas hati dengan laporan Pegawai yang mengendalikannya sesi runding cara akidah sebanyak 10 kali yang mendapati pemohon mempunyai kefahaman yang baik dan jelas tentang Islam.

Ketiadaan peruntukan tahanan bagi tujuan taubat yang selaras di peringkat negeri ini sebenarnya agak menyukarkan penyelesaian bagi kes-kes permohonan keluar agama Islam. Sesi runding cara akidah sahaja tidak mencukupi kerana ia banyak bergantung kepada kesediaan dan kerelaan pemohon untuk menghadiri sesi tersebut. Perintah tahanan dalam tempoh tertentu dapat memastikan proses pemulihan akidah dan taubat pemohon dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

4.2 Proses Taubat di Pusat Pemulihan Akidah

Pada masa kini, Pusat Pemulihan Akidah Baitul Iman, Ulu Yam di negeri Selangor merupakan satu-satunya pusat pemulihan akidah di Malaysia bagi tujuan melaksanakan *istitabah*. Mana-mana individu sama ada daripada negeri Selangor atau negeri-negeri lain di Malaysia yang diperintahkan oleh Mahkamah Syariah dihantar ke Pusat Pemulihan Akidah Baitul Iman, akan berada di sana selama enam bulan dan mereka akan menjalani proses pemulihan berdasarkan modul *istitabah* yang disediakan di pusat itu sepanjang tempoh tersebut. Perintah ini dilihat sebagai satu usaha untuk membawa mereka kembali kepada Islam dan bertaubat kepada pegangan akidah yang benar. Tempoh enam bulan yang ditetapkan oleh mahkamah adalah bertujuan untuk membimbing mereka mengenal perkara-perkara asas dalam Islam sehingga mereka benar-benar dapat mempraktikkan kembali kewajipan dalam Islam seperti solat, puasa, zakat dan lain-lain. Perintah tahanan bagi tujuan pemulihan akidah dan taubat ini adalah bersesuaian dengan peruntukan di bawah seksyen 54(1) Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 yang memperuntukkan: “Jika mana-mana Mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang atas suatu kesalahan di bawah Bahagian II atau di Bawah seksyen 9,10, atau 11, Mahkamah itu boleh, sebagai ganti hukuman yang dinyatakan bagi kesalahan itu, memerintahkan supaya orang itu, menjalani kaunseling atau pemulihan di suatu pusat pemulihan diluluskan selama tempoh yang tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.” Manakala bagi mereka yang dihantar oleh keluarga atau sukarela menjalani proses pemulihan di sini, tidak ada tempoh tertentu yang ditetapkan.

Modul *istitabah* yang diguna pakai Pusat Pemulihan Akidah Baitul Iman meliputi empat fasa iaitu fasa rawatan, fasa pemulihan, fasa pengukuhan dan fasa sokongan. Modul *istitabah* ini dilihat sebagai satu proses kepada pelatih-pelatih di pusat pemulihan ini untuk bertaubat dan kembali kepada Islam secara berperingkat. Perintah untuk bertaubat tidak dilakukan secara terburu-buru sebaik sahaja pelatih-pelatih mula menetap Pusat Pemulihan Akidah Baitul Iman ini, sebaliknya ia dilakukan secara berperingkat supaya mereka bertaubat dengan ikhlas kerana menyedari dan insaf dengan kesalahan yang telah dilakukannya. Walaupun pada mulanya perintah untuk bertaubat atau modul *istitabah* ini dilihat lebih kepada satu arahan yang memaksa pelatih-pelatih untuk bertaubat, tetapi hakikatnya proses pemulihan yang akan dijalani oleh mereka akan membuatkan mereka sedar akan kesalahan mereka dan mula mencari punca atau sebab mengapa mereka terfikir untuk keluar daripada agama Islam atau murtad. Kebiasaannya pada peringkat inilah mereka akan mendedahkan sebab mengapa mereka mengambil keputusan untuk murtad sama ada sebab sukarela, paksa, ingin berkahwin dengan pasangan yang bukan Islam, pengaruh orang ketiga, sihir, gangguan makhluk halus dan sebagainya. Maka berdasarkan dari punca tersebut, pihak pengurusan Pusat Pemulihan Akidah Baitul Iman akan menentukan proses pemulihan yang akan dijalani oleh pelatih-pelatih tersebut.

Sepanjang proses pemulihan tersebut, prestasi pelatih-pelatih semasa dalam tahanan akan dinilai dari masa ke semasa. Setiap apa yang dilakukan oleh pelatih-pelatih ini akan dicatat di dalam laporan yang akan dihantar kepada mahkamah apabila tamat tempoh tahanan kelak. Melalui laporan inilah, mahkamah akan memutuskan sama ada pelatih-pelatih dibenarkan pulang atau perlu melalui perbicaraan lagi selepas tamat tempoh tahanan. Setelah tamat tempoh tahanan, mereka yang dibenarkan pulang adalah mereka yang telah insaf dan bertaubat serta membatalkan hasrat mereka untuk keluar daripada agama Islam atau murtad.

Manakala mereka yang perlu menghadiri perbicaraan di Mahkamah Syariah selepas tempoh tahanan ialah mereka yang masih mahu meneruskan hasrat mereka untuk keluar daripada agama Islam. Mahkamah akan membuat keputusan mengenai pengesahan status agama mereka selepas menerima laporan penuh daripada pegawai penjaga mereka di pusat pemulihan tersebut.

Keberkesanan proses pemulihan akidah ini banyak bergantung kepada kesediaan dan keterbukaan pelatih-pelatih menerima semua bentuk pengisian yang diberikan sepanjang tempoh tersebut. Melalui kajian yang dibuat oleh Wan Mohd Fazrul Azdi (2015), cadangan untuk memperkasa proses *istitabah* bagi kes-kes murtad telah menghasilkan model *M-Istitabah* yang memberi penekanan kepada aspek pemulihan akidah dan kaunseling yang lebih berkesan melibatkan model untuk Murtad Intra Agama dan model Murtad Inter Agama. Melalui cadangan model ini, proses *istitabah* akan mempunyai tiga peringkat iaitu peringkat taubat, peringkat pengukuhan dan peringkat lanjutan yang akan disediakan kepada pelatih sepanjang tempoh pemulihan.

5. Penutup

Kesimpulannya, perintah taubat (*istitabah*) bagi kes-kes permohonan keluar agama Islam di Mahkamah Syariah dilaksanakan dalam bentuk nasihat atau runding cara akidah secara sukarela atau perintah tahanan bagi tujuan taubat di pusat pemulihan akidah. Walau bagaimanapun, tiada satu kaedah dan prosedur yang jelas serta seragam di peringkat negeri mengenai pendekatan yang sewajarnya digunakan oleh mahkamah bagi mengendalikan perintah taubat ini. Oleh itu, penambahbaikan perlu dilaksanakan bagi memastikan pengendalian kes-kes pengesahan status agama dan permohonan keluar agama selaras dengan kehendak hukum syarak dan memenuhi keperluan undang-undang dalam aspek-aspek berikut:

1. Mewujudkan prosedur perintah taubat yang lebih jelas dan seragam di setiap negeri.
2. Mewujudkan penambahbaikan kepada prosedur runding cara akidah bagi tujuan pemulihan akidah dengan perintah mahkamah khususnya bagi kes-kes permohonan keluar agama.
3. Penambahan pusat pemulihan akidah di setiap negeri dan modul pelaksanaan pemulihan digubal oleh satu jawatankuasa yang bertanggungjawab khusus dalam pencegahan penyelewengan akidah dengan bermatlamatkan untuk memelihara dan mempertahankan akidah umat Islam.

Rujukan

- Abdul Halim El-Muhammady. (1998). *Jenayah dalam Islam dan enakmen-enakmen Negeri-negeri*. Bangi: UKM.
- Abdul Karim Zaidan. (1994). *al-Mufasssol fi ahkam al-Mar'ah wa al-Bait al-Muslim*. Beirut: al-Muassasah al-Risalah.
- Ahmad Mohamed Ibrahim. (1997). *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Sabah) 1995.
- Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991.

- Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994.
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003.
Mohamed Azam Mohamed Adil. (t.th.). *Hak Kebebasan Beragama Dari Perspektif Islam dan Perlembagaan Persekutuan: Satu Perbahasan*. Shah Alam, Selangor: Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU).
Mohd Azam Mohamed Adil, Bahaya Mainkan Isu Murtad di Malaysia, *Utusan Malaysia*, 9 November 2006.
Mustafa al-Khin, Mustafa Dib al-Bugha & Ali al-Syarbaji. (1996). *al-Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Imam al-Syafie*. Damsyik: Dar al-Qalam.
Nor Ashikin Md Nasir & Siti Zubaidah Ismail. (2016). Keluar Agama Islam di Malaysia: Permasalahan Dari Sudut Undang-undang, *Journal of Shariah Law Research*, 1(1), 141-154.
Pg Ismail Pg Musa & Siti Zubaidah Ismail. (2015). Permohonan Keluar Islam Kajian Kes di Mahkamah Tinggi Syariah Sabah. *Jurnal Syariah*, 23(1), 53-78.
Wan Mohd Fazrul Azdi & Mohd Rumaizuddin Musa. (2013). Model Istitabah: Cadangan Konsep dan Pelaksanaannya Dalam Intervensi Permasalahan Riddah Kontemporari di Malaysia. *Jurnal Al-Abqari*, 3, 57-71.
Wan Mohd Fazrul Azdi & Kamaluddin Nurdin Marjuni. (2015). Istitabah Model for Malaysia: A Preliminary Exposition. *Jurnal 'Ulum Islamiyyah*, 15, 111-124.
Zaini Nasohah, et al. (2010). *Penguatkuasaan Kes Jenayah Syariah di Malaysia*. Bangi: UKM.
Zulkifli Hasan & Norfahdhilah Mohd Ali. (2007). *Kedudukan Murtad Menurut Perspektif Undang-undang di Malaysia*. Diskusi Syariah dan Undang-undang, USIM, 17 Januari 2007.

BIOGRAFI PENULIS

Zanariah Dimon, Mendapat pendidikan ijazah Sarjana Muda dalam bidang Syariah pengkhususan Undang-undang Islam dan Sarjana Syariah di Universiti Malaya. Kini, beliau bertugas sebagai pensyarah di Jabatan Undang-undang, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Bidang penulisan merangkumi bidang undang-undang jenayah Islam, undang-undang pentadbiran Islam dan undang-undang keluarga Islam. Alamat e-mel: zanariah@kuis.edu.my.